

DIALOG : Latihan 21

Isikan ruang kosong

Kamu berbual-bual dengan rakan kamu tentang persediaan untuk menghadapi peperiksaan UPSR pada tahun ini. Tulis perbualan kamu itu selengkapnya.

menyokong	menjelang	mengikuti	perbincangan
mengulang kaji	berkemampuan	peroleh	melayari

Pada suatu hari, saya dan Faizul berbual-bual tentang persediaan menghadapi UPSR yang akan menjelang tiba tidak lama lagi.

Saya : Faiz, nampaknya peperiksaan UPSR akan _____ tidak lama lagi.

Faizul : Ya betul. Tinggal dua bulan sahaja lagi. Bimbang sungguh saya. Apa persiapan awal dalam menghadapi UPSR ini? Boleh beri sedikit pencerahan.

Saya : Setakat ini saya membuat banyak latih tubi menjawab soalan-soalan tahun-tahun lepas. Selain itu, saya juga _____ pelajaran di rumah pada waktu petang dan malam. Saya juga mempunyai jadual pembelajaran sendiri di rumah.

Faizul : Rajin betul awak Muiz. Saya pula _____ kelas tuisyen pada hari minggu. Banyak teknik menjawab soalan saya peroleh daripada cikgu-cikgu. Tidak mengapa, nanti saya kongsiikan segala bahan yang saya peroleh. Pada waktu petang pula, saya banyak _____ internet untuk mencari sumber-sumber pembelajaran.

Saya : Wah, hebatnya awak Faizul! Tentu awak dapat banyak idea baru yang boleh dikongsi dengan saya. Maklumlah keluarga saya kurang _____ untuk menghantar saya mengikuti kelas tuisyen dan membeli komputer untuk saya.

Faizul : Tidak mengapa. Saya akan kongsiikan segala bahan yang saya _____ untuk awak. Saya juga sedang mengujudkan kumpulan _____ untuk kita semua. Saya sudah maklumkan kepada rakan kita yang lain seperti Khamis, Zulian, Rosiah dan Syazana. Mereka semua bersetuju.

Saya : Cadangan awak sememangnya hebat Faizul. Saya _____ sepenuhnya cadangan kamu itu.

Faizul : Eh, nampaknya loceng sudah berbunyi! Apa kata kita bincang hal ini, semasa pulang dari sekolah nanti.

Saya : Baiklah. Assalamualaikum.

Faizul : Waalaikummussalam. Kita masuk ke dalam kelas dulu.